

19/03/2002

Azim sedia letak jawatan di BSN

KUALA LUMPUR, Isnin - Bekas Ketua Umno Bahagian Bukit Bintang, Datuk Abdul Azim Mohd Zabidi sedia melepaskan jawatannya sebagai Pengerusi Bank Simpanan Nasional (BSN) jika diarahkan Menteri Kewangan yang juga Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, hanya Dr Mahathir saja yang berhak mengarahkan beliau berbuat demikian kerana pelantikannya sebagai Pengerusi BSN dibuat Menteri Kewangan.

"Saya ada terfikir untuk berbuat demikian (melepaskan jawatan) selepas membaca gesaan yang dibuat dalam surat khabar Ahad lalu.

"Tetapi pelantikan saya dibuat Menteri Kewangan. Sekiranya ada yang menyarankan saya melepaskan jawatan Pengerusi BSN, biarlah arahan itu datangnya daripada Menteri Kewangan.

"Sekiranya Menteri Kewangan yang arahkan, saya akan berundur... itu hak dia," katanya kepada pemberita pada sidang akhbar sempena Mesyuarat Agung Persekutuan Pengurus Saham Amanah Malaysia (FMUTM) di sini, hari ini.

Dalam mesyuarat itu, Abdul Azim sekali lagi dipilih sebagai Presiden FMUTM bagi tahun ini.

Semalam, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, jawatan Abdul Azim sebagai Pengerusi BSN dikekalkan walaupun beliau dilucutkan jawatan dalam Umno.

Abdullah berkata, pelantikan Abdul Azim dalam BSN adalah atas alasan kedudukannya sebagai seorang profesional yang boleh menyandang jawatan itu.

Abdul Azim dilantik sebagai Pengerusi BSN pada Jun 1999, bagi tempoh dua tahun dan akan tamat Jun depan.

Pada 17 Julai lalu, Abdul Azim dikenakan hukuman gantung keahlian selama tiga tahun iaitu sehingga 2004, tetapi Lembaga Disiplin memutuskan beliau boleh mengekalkan jawatannya sebagai Ahli Majlis Tertinggi (MT).

Bagaimanapun, mesyuarat MT pada 9 Mac lalu memutuskan semua ahli yang dikurang atau dikekalkan hukuman gantung keahlian akan turut kehilangan semua jawatan dalam parti dan sebagai exco kerajaan negeri, tetapi boleh terus memegang jawatan masing-masing dalam kerajaan atau sektor korporat.

Abdul Azim mempersoalkan gesaan supaya beliau melepaskan jawatan pengerusi BSN kerana sudah menjalankan tugas dengan baik dan tindakan disiplin yang dikenakan MT terhadapnya bukan disebabkan politik wang.

(END)